

Kalari Payat

Tingkat semangat
belia menentang
ancaman dadah

Rencana RASHIDAH IBRAHIM
Gambar ADNAN HASSAN

ALAM remaja penuh dengan pancaroba. Lebih-lebih lagi bagi mereka yang tinggal di ibu kota seperti Kuala Lumpur dan berjauhan pula dengan ibu bapa. Mereka sentiasa terdedah kepada pelbagai kegiatan yang kurang sihat seperti menghisap rokok, minum arak dan menagih dadah.

Kebanyakan remaja, apabila keluar dari rumah, mereka bebas untuk melakukan apa saja. Bagi remaja yang tidak mempunyai pegangan, tentunya akan mudah terikut-ikut dengan kenakalan kawan-kawan.

Namun, bagi yang mempunyai prinsip hidup sendiri, mereka tidak akan mudah terpengaruh dengan sebarang kegiatan yang tidak sihat. Golongan ini mempunyai cara tersendiri untuk mengelakkan diri masing-masing daripada rseret ke lembah yang hina.

Perspektif sempit menemui golongan remaja yang mengutamakan kecergasan diri dalam kehidupan.

Mereka tidak pernah merokok, minum arak atau apa lagi menagih dadah. **5. Minggu (M)**

Apakah rahsia dan apakah petua yang diamalkan oleh mereka agaknya? Apabila ditanya, remaja itu tidak pula lokek untuk menceritakan petuanya. **17 NOV 1985**

"Petuanya mudah saja."

PENCAR ALAM?
Kami membabitkan diri dengan kegiatan seni mempertahankan diri," kata salah seorang daripada mereka.

Tentu anda tertanya-tanya, apa pula kaitan kegiatan seni mempertahankan diri dengan

menghisap rokok dan menagih dadah? Hanya mereka yang pernah menyertai kegiatan itu saja yang mengetahui faedah di sebaliknya.

Dalam temubual dengan sekumpulan remaja di Institut